



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

KeTSA BANTU USAHA RESTORASI HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA (HSKLU)

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merujuk kepada Kenyataan Media YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor yang dikeluarkan pada 8 September 2021 berhubung Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

KeTSA menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk menghentikan cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan HSKLU seluas 536.7 hektar yang dinyahwartakan baru-baru ini dan sebaliknya akan memulakan proses pemuliharaan semula sebahagian besar kawasan terbabit sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).

KeTSA juga menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengekalkan status kawasan gantian seluas 579.64 hektar yang diwartakan sebagai HSK iaitu Hutan Simpan Sungai Panjang, Hutan Simpan Buloh Telor Barat, Hutan Simpan Buloh Telor Timur dan Hutan Simpan Broga. Ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan selaras dengan komitmen yang dinyatakan di peringkat antarabangsa.

KeTSA telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains memberikan kerjasama untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor memelihara dan memulihkan kawasan HSKLU yang merupakan hutan paya gambut ini bagi memastikan fungsinya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem sentiasa terpelihara, di samping bagi mencegah kebakaran.

KeTSA juga mengalu-alukan penglibatan semua pihak termasuk NGO dan pihak komuniti setempat untuk memulihkan Hutan Simpan ini.

**YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

15 September 2021